

**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJIJI HAJI NOOR**  
**KETUA MENTERI SABAH**  
**DI MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN BANTUAN COVID-19**  
**DARIPADA 99 SPEEDMART DAN YAYASAN MYPRIHATIN**  
**DI TINGKAT 32, PUSAT PENTADBIRAN NEGERI SABAH, KOTA**  
**KINABALU**  
**23 NOVEMBER,2020**

1. Kerajaan Negeri Sabah mengucapkan setinggi terima kasih dan penghargaan kepada 99 Speed Mart (East Malaysia) Sdn Bhd dan Yayasan MYPRIHATIN atas sumbangan bantuan Covid-19 pagi ini.
2. Sumbangan daripada syarikat korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) ini adalah tepat pada masanya dalam membantu Kerajaan Negeri Sabah untuk menangani dan memerangi pandemik Covid-19 di Sabah.
3. Saya amat gembira mengetahui banyak syarikat korporat d/NGO tampil membantu dengan memberikan pelbagai sumbangan kepada rakyat yang terkesan dan terjejas teruk ke arah membendung dan memerangi pandemik ini, dan saya berharap kerjasama seperti ini berterusan.
4. Kes Covid-19 di Sabah masih pada angka tiga digit pada 22 November, 2020 (Ahad) iaitu 311 dengan 3 kematian tetapi jumlah ini menurun berbanding 346 kes pada hari Sabtu. Bagaimanapun tidak ada kluster baharu.
5. Dalam Anggaran Tambahan Perbekalan Kedua 2020 yang dibentangkan pada 16 November, sejumlah RM 375.12 juta ataupun 53 peratus adalah diperuntukkan untuk bantuan menangani pandemik COVID-19.
6. Sejumlah RM160 juta daripadanya diperuntukkan sebagai Pakej Bantuan Prihatin COVID-19, kepada rakyat yang terkesan dan terjejas teruk
7. Kerajaan Persekutuan juga telah menyalurkan RM50 juta menerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) bagi membendung COVID-19 seperti pembelian peralatan perlindungan diri dan keperluan di pusat kuarantin serta rawatan COVID-19.

Sekian.